

Jepun hargai tindakan Malaysia atasi krisis kewangan serantau

BH 1 OCT 2009
SEPANG: Kerajaan Jepun dan ahli perniagaan negara itu berpuas hati dan menghargai tindakan tegas Malaysia dalam menangani krisis mata wang serantau, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Jepun turut memandangkan tinggi kejayaan Malaysia melaksanakan pelbagai usaha dalam memulihkan ekonomi negara sejak dua tahun lalu.

"Sebagai sebuah negara yang berkepentingan besar dalam perdagangan dan pelaburan di negara kita, kejayaan memulihkan ekonomi menyenang-

kan mereka," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, petang semalam.

Beliau kembali ke tanah air selepas melakukan lawatan kerja lima hari ke Jepun.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tokoh politik dan ahli perniagaan Jepun gembira dengan kejayaan Malaysia, khususnya di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Nampaknya jelas mereka cukup menghargai dan bermi-

nat dengan kejayaan ekonomi Malaysia," katanya.

Abdullah berkata, beliau mencadangkan syarikat Jepun menempatkan lebih banyak operasi mereka di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Katanya, syarikat Jepun juga perlu meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam operasi mereka di sini jika ingin terus melabur di Malaysia pada masa akan datang.

"Malaysia kini menggunakan banyak tenaga pekerja asing dan ia boleh dikurangkan menerusi penggunaan automasi," katanya.